

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Baca dan fahami Lembaran Pendedahan Produk ini bersama-sama dengan terma dan syarat am berkaitan Pembiayaan Peribadi-i Untuk Sektor Awam Melalui Angkasa sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil produk ini. Dapatkan bantuan daripada RHB Islamic Bank Berhad sekiranya anda memerlukan penjelasan lanjut mengenai mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma-terma yang digunakan.)

PEMBIAYAAN PERIBADI-i UNTUK SEKTOR AWAM MELALUI ANGKASA


Date: _____
[Untuk diisi oleh Staf Cawangan/Jualan]

1. Apakah produk ini?

Ini adalah satu Pembiayaan Peribadi-i tanpa cagaran yang ditawarkan kepada sektor awam. Pembiayaan ini ditawarkan melalui potongan gaji menggunakan perkhidmatan Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA) daripada pembekal perkhidmatan yang dilantik iaitu Malaysia Building Society Berhad (MBSB).

2. Apakah kontrak Syariah yang digunakan untuk produk ini?

Pembiayaan Peribadi-i adalah berdasarkan konsep Komoditi Murabahah melalui aturan Tawarruq. Komoditi Murabahah merujuk kepada jual beli komoditi yang berperanan sebagai aset dasar bagi jual beli tersebut. Pelanggan akan membuat pembayaran yang mengandungi harga kos dan kadar keuntungan dengan bayaran secara tertangguh. Dengan konsep Tawarruq, Pelanggan akan menerima wang tunai sebagai pertukaran bagi komoditi yang dijual kepada pihak ketiga.



Aliran Transaksi:

Pelanggan dan RHB Islamic Bank (RHBIB) memasuki satu perjanjian di mana Pelanggan berjanji untuk membeli komoditi tertentu atau aset dari RHBIB dan Pelanggan kemudiannya melantik RHBIB sebagai wakil untuk menjual komoditi tersebut.

- RHBIB akan membeli komoditi daripada Broker A pada harga belian;
- Pemilikan komoditi itu akan dipindahkan kepada RHBIB;
- RHBIB akan menjual komoditi tersebut kepada Pelanggan pada harga tokokan (harga belian ditambah margin keuntungan)
- Pelanggan melantik RHBIB sebagai ejen untuk menjual komoditi tersebut;
- RHBIB bertindak sebagai ejen Pelanggan akan menjual komoditi kepada Broker B;
- Broker B akan membeli komoditi pada harga belian dan mengkredit akaun RHBIB untuk mencerminkan transaksi jualan;
- RHBIB akan menyediakan dana kepada Pelanggan dalam bentuk Pembiayaan Peribadi-i (jumlah pengeluaran).

3. Apa yang saya perolehi daripada produk ini?

Jumlah pembiayaan (A) Minima: RM 3,000 Maksima: RM 150,000	RM _____
Kadar Keuntungan (B)	_____ % setahun
Tempoh (C) Minima: 2 tahun Maksima: 10 tahun	_____ tahun
Jumlah harga jualan = (A X B X C) + (A)	RM _____

4. Apakah kewajipan saya?

Bayaran bulanan*	RM _____
Jumlah yang perlu dibayar termasuk jumlah yang dibiayai	RM _____

*Bayaran bulanan adalah berdasarkan formula: -

$$[(P \times I \times N) + P] / n$$

Di mana;

P: Jumlah Pembiayaan

I: Kadar Keuntungan setahun

N: Tempoh Pembiayaan (dalam Tahun)

n: Tempoh Pembiayaan (dalam Bulan)

5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Jenis fi dan caj	Penerangan fi dan caj
Duti Setem	Jumlah nominal RM10.00 (setiap dokumen) Seperti yang termaktub di Akta Setem 1949 (Disemak 1989) (tertakluk pada perubahan yang dikenakan oleh Kerajaan)
Fi Broker	RM30.00 bagi setiap permohonan
Fi Potongan Gaji <i>Nota: Tertakluk pada Cukai Barang dan Perkhidmatan ("CBP") 6% (sepertimana diterangkan di bawah)</i>	1.5% daripada bayaran bulanan
Sumbangan Takaful	Berbeza mengikut jumlah dan tempoh pembiayaan serta umur.
Fi Pentadbiran <i>Nota: Tertakluk pada CBP 6% (sepertimana diterangkan di bawah)</i>	3% daripada jumlah pembiayaan (tertakluk pada jumlah pembiayaan diluluskan)

Nota1: Pihak Bank akan memaklumi anda sekurang-kurangnya dalam tempoh 21 hari kalendar sebelum tarikh pelaksanaan sekiranya terdapat sebarang perubahan pada fi dan caj yang berkaitan dengan pembiayaan anda.

Nota2: Bayaran duti setem, fi broker, sumbangan Takaful dan fi pentadbiran akan ditolak daripada jumlah asal pembiayaan.

Nota3: Fi potongan gaji 1.5% sudah dimasukkan dalam bayaran bulanan.

Nota4: Sila ambil maklum bahawa efektif 1 April 2015, fi perbankan dan caj kami akan tertakluk pada CBP kecuali dinyatakan sebaliknya. Justeru itu, terma dan syarat ("T&S") bagi produk kami akan dipinda dari semasa ke semasa melalui notis yang berkaitan dalam tempoh yang ditetapkan seperti dirujuk didalam T&S dan pindaan itu akan berkuat kuasa pada 1 April 2015. Harap maklum bahawa Duti Setem, Fi Broker dan Sumbangan Takaful adalah tidak tertakluk pada CBP buat masa ini.

6. Apakah dokumen-dokumen yang perlu saya serahkan?

NO	DOKUMEN DIPERLUKAN	Asal	Salinan
1	Salinan MyKad (depan dan belakang)	-	2
2	Slip gaji (terkini 3 bulan)	1	1
3	Surat Pengesahan Jawatan dari Majikan (dengan kepala surat rasmi Majikan)	1	1
6	Penyata Akaun Simpanan RHB / RHBIB / Buku Akaun mana-mana Bank Lain	-	2
7	Surat Penyata Penebusan dari Bank-bank lain/ Institusi Kewangan (jika berkenaan)	1	1
8	Surat Persaraan (Retirement Option letter) (untuk umur pemohon 48 tahun dan ke atas jika tempoh pembiayaan melepasi umur wajib bersara)	1	1
9	Surat Pertukaran (bagi pemohon yang akan dipindahkan dalam tempoh kurang 6 bulan dari masa permohonan)	1	1

7. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?

Ya, perlindungan Takaful adalah diwajibkan. Dalam kes-kes kematian atau situasi kecacatan kekal anda, perlindungan Takaful akan membayar kesemua baki yang belum dijelaskan bagi pembiayaan anda dengan Bank. Ini akan mengurangkan beban pembayaran bulanan pada waris-warisan atau keluarga terdekat anda. Anda hendaklah mengambil pelan Takaful diri daripada syarikat Takaful pilihan anda yang diluluskan oleh Bank. Perlindungan Takaful adalah bergantung kepada tempoh dan jumlah kemudahan, termasuk umur anda. Jumlah sumbangan Takaful akan ditolak daripada jumlah pembiayaan.

8. Bagaimana jika saya gagal melaksanakan kewajipan saya?

- a) Anda hendaklah membayar Ta'widh (ganti rugi) kepada Bank, sejumlah wang bersamaan dengan satu peratus (1%) sethala daripada tertunggak hingga tarikh pembayaran dan/atau penyelesaian penuh; ATAU sejumlah wang bersamaan dengan kadar Pasaran Wang Antara Bank secara Islam BNM ke atas baki jumlah prinsipal tertunggak pada tarikh matang atau tamat pembiayaan.
- b) Hak Tolak Selesai: Bank berhak menolak selesai baki kredit dari mana-mana akaun yang dimiliki oleh anda dengan pihak Bank bagi mana-mana baki tertunggak bagi akaun kemudahan ini yang mana pihak Bank akan memberitahu anda sekurang-kurangnya dalam tempoh 7 hari lebih awal.
- c) Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal untuk bertindak balas terhadap notis peringatan. Anda juga dikehendaki menanggung semua kos dan bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang kekurangan apabila tindakan undang-undang telah dikenakan terhadap anda.
- d) Tindakan undang-undang terhadap anda boleh menjejaskan kredibiliti kredit anda di mana ianya menyebabkan kemudahan kredit adalah lebih sukar atau mahal untuk anda.

9. Bagaimana sekiranya saya melangsaikan bayaran bulanan melebihi daripada jumlahnya?

Apa-apa lebihan pembayaran bulanan akan dianggap sebagai bayaran pendahuluan.

10. Bagaimana sekiranya saya melangsaikan sepenuhnya pembiayaan sebelum tarikh matang?

- a) Tiada caj-caj yang akan dikenakan kepada anda yang mahu melangsaikan pembiayaan lebih awal.
- b) Tiada tempoh "Lock In" dikenakan dan tiada bayaran separa dibenarkan untuk jumlah prinsipal.
- c) Rebate (Ibra') -Bank hendaklah memberi Rebate (Ibra') kepada mana-mana jumlah yang perlu dibayar oleh anda berhubung dengan apa-apa bayaran tertunggak di bawah dokumen transaksi dan / atau dokumen-dokumen keselamatan dalam mana-mana keadaan yang berikut:
 - apa-apa penyelesaian awal atau penubusan awal oleh anda termasuk bayaran pendahuluan;
 - apa-apa penyelesaian Kemudahan disebabkan mana-mana penyusunan semula pembiayaan oleh anda;
 - apa-apa penyelesaian oleh anda apabila berlakunya Peristiwa Keingkar; dan
 - apa-apa penyelesaian oleh anda dengan menamatkan atau membatalkan Kemudahan sebelum tamat Tempoh Kemudahan.

Rebate (Ibra') = * Baki Untung Belum Diperolehi - Caj Penyelesaian Awal (jika ada).

**Baki Keuntungan Belum Diperolehi adalah sama dengan keuntungan tidak nyata pada masa penyelesaian penuh*

Pengiraan Rebate (Ibra') hendaklah dibuat mengikut apa-apa kaedah, peraturan dan/ atau arahan (sama ada mempunyai kuasa undang-undang atau tidak) yang diperlukan atau dikenakan ke atas pihak Bank dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank.

11. Apakah risiko-risiko utama yang dihadapi dalam produk ini?

- a) Sekiranya anda menghadapi apa-apa kesukaran dalam melaksanakan tanggungjawab anda, sila hubungi kami terlebih dahulu untuk membincangkan pembayaran alternatif. Ini adalah untuk mengelakkan tindakan undang-undang jika anda tidak dapat membayar bayaran bulanan anda.
- b) Untuk kakitangan kerajaan, bayaran bulanan ditolak terus dari akaun gaji. Bagi mereka yang memilih untuk melakukan penyelesaian awal kemudahan, tempoh masa pemrosesan yang tertentu diperlukan untuk menghentikan pemotongan dari akaun gaji. Oleh itu, anda dinasihatkan untuk merancang masa mereka bagi melakukan penyelesaian awal kerana ia boleh menyebabkan potongan berlebihan daripada akaun gaji walaupun kemudahan telah diselesaikan sepenuhnya.

12. Adakah permohonan saya memerlukan seorang penjamin atau aset jaminan?

Tiada penjamin atau aset jaminan diperlukan.

13. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan pada status pekerjaan seperti bertukar jawatan/berhenti kerja?

Jika anda akan dipindahkan atau meletakkan jawatan daripada pekerjaan semasa, anda perlu menghubungi:

Pusat Perkhidmatan Pelanggan

Emel : customer.service@rhbgroup.com atau pfi@rhbgroup.com

Web : www.rhb.com.my

14. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan maklumat dan butiran berkenaan maklumat peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan pihak Bank sekiranya terdapat sebarang pertukaran maklumat atau butiran peribadi anda, ini adalah untuk memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya.

15. Di mana saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

- a) Jika anda mempunyai kesukaran membuat pembayaran balik, anda perlu menghubungi pihak Bank lebih awal untuk membincangkan alternatif pembayaran balik.
- b) Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma berkaitan pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penyusunan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Tingkat 8, Maju Junction Mall,

1001, Jalan Sultan Ismail,

50250 Kuala Lumpur.

Tel : 1-800-88-2575,

Email : enquiry@akpk.org.my

- c) Jika anda ingin mengemukakan aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank, anda boleh menghubungi pihak Bank di:

RHB Islamic Bank Berhad

Level 11, Menara Yayasan Tun Razak,

200 Jalan Bukit Bintang,

55100 Kuala Lumpur.

Tel: 03 9206 8118 / 082 276 118

Fax: 03 9206 8088 / 082 276 088

Email: customer.service@rhbgroup.com

Web: www.rhb.com.my

- d) Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan sepenuhnya oleh pihak Bank, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Block D, Bank Negara Malaysia

Jalan Dato' Onn,

50480 Kuala Lumpur.

Tel : 1-300-88-5465. Fax : 03-21741515

E-mail : bnmtelelink@bnm.gov.my

16. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Bank di:

RHB Islamic Bank Berhad,

Level 11, Menara Yayasan Tun Razak,

200 Jalan Bukit Bintang,

55100 Kuala Lumpur.

Tel : 03 9206 8118 / 082 276 118

Fax : 03 9206 8088 / 082 276 088

Email : customer.service@rhbgroup.com

Web : www.rhb.com.my

17. Pakej Pembiayaan peribadi lain yang ditawarkan :

- Pembiayaan Peribadi-i untuk Pesara
- Pembiayaan Peribadi-i untuk Sektor Swasta

Lain-Lain Maklumat:

Apabila tempoh pembiayaan menjangkau sehingga ke persaraan, ia adalah penting bagi Pemohon untuk merangka perancangan awal bagi memastikan Pemohon dapat meneruskan Pembayaran Bulanan selepas persaraan.

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA INKAR DALAM PEMBAYARAN PEMBIAYAAN PERIBADI ANDA.
Maklumat yang disediakan dalam lembaran maklumat ini adalah sah pada 20 November 2015

Saya/ Kami mengesahkan telah menerangkan Lembaran Maklumat Produk (LMP) kepada Pelanggan.

Saya/ Kami mengesahkan telah mendengar dan memahami penerangan yang diberikan.

.....
Nama Pekerja:
ID Pekerja:
Tarikh:

.....
Nama:
No. K/P:
Tarikh: